

**DALAM MAHKAMAH SESYEN AMPANG
SELANGOR DARUL EHSAN
PERBICARAAN JENAYAH NO : 63-99-07**

**PENDAKWARAYA
LAWAN
COSCOLAB SDN. BHD.
[NO. SYARIKAT : 530561-V]**

MAKLUMAT RINGKAS KES

Tarikh Kesalahan	:	8 Mac 2007
Jenis Kesalahan	:	Melepaskan effluen melebihi had yang disyaratkan di dalam syarat-syarat lesen di bawah Seksyen 16(1) Akta Kualiti Alam Sekelliling 1974
Tarikh Jatuh Hukum	:	21 Januari 2008
Penalti	:	Denda RM 15,000.00

FAKTA KES

1. OKS merupakan sebuah premis kilang yang terletak di **No.29 & 31, Jalan P10/21, Taman Industri Selaman, Seksyen 10, 43650 Bandar Baru Bangi** di dalam **Daerah Hulu Langat** di dalam **Negeri Selangor Darul Ehsan** yang menjalankan aktiviti memproses barangan 'toiletries' dan kosmetik. Premis menghasilkan effluen daripada kerja-kerja pembersihan alat penyimpanan produk yang digunakan untuk menyimpan bahan bagi menghasilkan barangan 'toiletries' dan kosmetik.
2. Pada **8 Mac 2007**, jam lebih kurang **11.30 pagi**, **Penolong Pegawai Kawalan Kanan Wan Noraini binti Wan Hamzah** dan **Juruteknik Ahmad Faisal bin Mad Ayob** telah menjalankan pemeriksaan penguatkuasaan ke atas premis Coscolab Sdn. Bhd. seperti alamat di atas. Semasa siasatan didapati premis beroperasi dan terdapat air buangan atau effluen yang berwarna kemerahan telah dihasilkan daripada kerja-kerja pembersihan alat penyimpanan produk yang digunakan untuk menyimpan bahan bagi menghasilkan barangan 'toiletries' dan kosmetik . Effluen tersebut telah dilepaskan ke parit kilang tanpa di olah terlebih dahulu dan seterusnya mengalir ke parit awam.
3. Sehubungan dengan itu, sebanyak **empat (4)** contoh effluen perindustrian yang tidak dirawat telah diambil daripada longkang premis sebelum ia memasuki longkang awam. Contoh tersebut ditandakan sebagai **CUSCO (A), (B), (C) dan (D)**. Contoh effluen tersebut kemudiannya dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia Petaling Jaya untuk dianalisa oleh Ahli Kimia Kerajaan.

4. Keputusan analisa daripada Jabatan Kimia Malaysia Petaling Jaya melalui laporan **No. Makmal (PJ) KEC 327/07-0** bertarikh **23 Mac 2007** menunjukkan bahawa premis tersebut telah melepaskan effluen melebihi kepekatan yang disyaratkan di dalam syarat-syarat lesen dalam Jadual Pematuhan nombor rujukan JPLP/KEEP/07/018129 bertarikh 1 Mac 2007 untuk tempoh 1 Januari 2007 hingga 31 Mei 2007 iaitu :-

- i) Syarat nombor 2(i) bagi Kandungan **Keperluan Oksigen Kimia (COD)** yang mempunyai kepekatan **14200 mg/l** melebihi had yang disyaratkan iaitu **1946 mg/l**; dan
- ii) Syarat nombor 2(ii) bagi Kandungan **Keperluan Oksigen Biologi (BOD)** yang mempunyai kepekatan sebanyak **9000 mg/l** melebihi had yang disyaratkan iaitu **290 mg/l** .

KEPUTUSAN PENGHAKIMAN

Hakim Mahkamah Sesyen (Jenayah) Ampang, Yang Arif Puan Noradidah Binti Hj. Ahmad telah mensabitkan kesalahan yang dilakukan oleh syarikat ini dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 15,000.00 . Hukuman maksima yang diperuntukkan di bawah Seksyen 16(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah denda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.

Pihak OKS diwakili oleh Encik Wong Hoe Yeen selaku Pengurus Kewangan telah membuat pengakuan bersalah atas pertuduhan yang dibacakan dan membayar denda seperti yang ditetapkan. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Puan Rojiah Binti Abu Bakar.